

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN SINARAN PERTIWI**  
**DI TV3 SERI PENTAS**  
**2 MEI 2001**

-----

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Sistem Televisyen Malaysia Berhad atau TV3 kerana sudi mengundang saya ke Majlis Pelancaran Sinaran Pertiwi pada malam ini. Saya difahamkan Sinaran Pertiwi ini adalah satu produk terbaru hiburan TV3 yang bertujuan untuk menyemai dan memupuk semangat patriotik di kalangan generasi muda negara ini.

2. Usaha TV3 ini memang wajar diberi pujian dan oleh itu saya mengucapkan tahniah kepada TV3 kerana secara kreatif telah tampil untuk membantu usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran semangat cintakan tanah air, bangsa dan agama di kalangan anak-anak muda kita.

3. Saya berharap usaha ini akan berjaya mendekatkan golongan remaja dengan nilai-nilai mulia kenegaraan bagi meneruskan kesinambungan perjuangan yang telah dirintis oleh generasi terdahulu.

4. Seperti yang kita maklum, generasi muda merupakan kelompok besar penduduk negara kita pada waktu ini. Mereka adalah harta yang tidak ternilai bagi masa depan dan kelangsungan bangsa kita, khususnya bangsa melayu. Kalau mereka berupaya tanam dengan semangat patriotik, maka bangsa kita akan selamat. Jika tidak, generasi yang ada akan dipersalahkan kerana gagal menyediakan satu barisan generasi yang boleh meneruskan perjuangan bangsa yang telah dirintis oleh para pengasas dan pejuang kemerdekaan kita.

5. Lantaran itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menyediakan asas yang kuat bagi generasi muda ini supaya semangat patriotik di kalangan mereka kekal membara. Sebenarnya semangat tersebut boleh menjadi lampu penyuluh yang akan memandu mereka dalam memperjuangkan kepentingan bangsa, negara dan agama pada masa akan datang. Mereka tidak boleh dibiarkan dalam kegelapan, sehingga teraba-raba untuk mengemudi negara.

6. Untuk menjayakan hasrat itu, apa juga cara yang ada hendaklah diteroka dan digunakan sepenuhnya. Tidak syak lagi, muzik adalah satu medium yang berkesan untuk meniupkan semangat patriotik dan perpaduan di kalangan generasi muda itu. Dalam kata-kata lain, muzik dan lagu tidak harus dilihat hanya sebagai memenuhi matlamat berhibur semata-mata. Hiburan juga boleh digunakan secara kreatif untuk mencapai matlamat pembinaan bangsa. muzik boleh mempengaruhi manusia dan ia tidak berhenti setakat individu sahaja tetapi ia dapat juga mempengaruhi masyarakat secara lebih umum, khususnya dalam membina semangat nasionalisme rakyat sesuatu bangsa. Tetapi muzik dan lagu yang dicipta itu mestilah mempunyai identiti kebangsaannya sendiri.

7. Seperti yang kita maklum, anak-anak muda dan muzik memang mempunyai hubungan yang rapat. Ibarat irama dan lagu, mereka tidak dapat dipisahkan.

8. Apa yang menyedihkan ialah kebanyakan mereka kurang terdedah kepada muzik dan lagu-lagu tempatan yang boleh membangkitkan semangat kebangsaan yang tinggi. Mereka lebih tertarik dengan lagu-lagu asing yang dalam banyak hal menyuntik nilai-nilai yang berbentuk negatif. Saya tidak mengatakan salah bagi mereka untuk berjinak-jinak dengan muzik dan lagu asing itu. Dalam era globalisasi sekarang, pengaruh muzik luar memang tidak dapat dielakkan. Suka atau tidak suka, kita perlu menerima hakikatnya.

9. Tetapi dalam hal ini kita mestilah bijak membezakan antara nilai yang baik dan yang tidak baik dalam muzik.

10. Harapan ini bukanlah tidak berasas. Ini kerana pada umumnya generasi muda Malaysia masih kuat pegangan mereka pada nilai-nilai murni dan mulia orang timur.

11. Dalam hubungan ini, program Sinaran Pertiwi TV3 ini saya difahamkan adalah bercorak pertandingan melibatkan generasi muda negara ini. Saya mengalu-alukannya dan ia memang patut diadakan. Saya menganggap ini satu program dari generasi muda untuk generasi muda kerana ia membabitkan penyertaan mereka sepenuhnya pada pelbagai peringkat umur. Walaupun mereka boleh memilih lagu-lagu patriotik yang sedia ada untuk didendangkan tetapi saya juga ingin menyarankan supaya mereka mengubah lagu patriotik mereka sendiri.

12. Dengan cara ini, kita akan dapat memperkayakan lagi khazanah lagu-lagu patriotik kita. Harapan saya ialah semoga kebanyakan lagu-lagu itu nanti akan menjadi siulan anak-anak muda secara meluas dan menangkap imaginasi mengatasi lagu-lagu dari luar.

13. Apa yang penting adalah lagu-lagu itu, yang baru mahupun yang terkenal, hendaklah menepati selera mereka, baik dari segi irama, rentak, senikata. Hanya dengan itu, barulah lagu-lagu patriotik itu mampu menjiwai generasi muda. Lagu-lagu patriotik yang terlalu bercorak propaganda yang keterlaluan, tidak akan meninggalkan kesan yang diingini di kalangan orang muda malah boleh membosankan mereka.

14. Lantaran itu, para penggubah lagu bercorak pertiwi ini hendaklah memahami jiwa dan perasaan anak-anak muda terlebih dahulu. Anak-anak muda tidak boleh dipersalahkan jika mereka menolak atau berasa muak dan jelik dengan lagu-lagu patriotik yang iramanya tidak menepati selera mereka.

15. Dalam berhadapan dengan generasi muda sekarang yang agak kompleks cita rasa mereka, inilah cabaran yang terpaksa dihadapi oleh para penggubah lagu dan pejuang seni. Jika lagu-lagu ciptaan Tan Sri P. Ramlee (Allahyarham) masih popular sehingga sekarang, saya tidak nampak mengapa pencipta lain tidak boleh melakukannya.

16. Saya percaya usaha TV3 melalui program Sinaran Pertiwi ini adalah satu lagi usaha murni pihak swasta untuk mengukuhkan tanggungjawab sosialnya dalam membina satu generasi pewaris bangsa yang berkeperibadian luhur.

17. Semoga usaha ini - walaupun mungkin dianggap kecil oleh sesetengah pihak - akan membuahkan hasil yang diingini.

18. Bagi pihak kerajaan, saya ingin merakamkan penghargaan terhadap inisiatif yang telah diambil oleh TV3. Semoga selepas ini nanti, TV3 akan meneruskan usaha-usaha pembinaan bangsa melalui program-program lain, baik yang bercorak hiburan atau pun bercorak berita dan ehwal semasa. Sebagai sebuah stesen televisyen swasta yang mempunyai ramai penonton, saya percaya usaha TV3 ini akan disambut baik oleh mereka.

19. Dengan harapan itu, dan dengan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya melancarkan program Sinaran Pertiwi TV3.

Terima kasih.